

Program Penangguhan Bayaran Caruman (“Program”)

Soalan Lazim

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah Program Penangguhan Bayaran Caruman (“Program”) untuk Penularan wabak COVID-19?	Ini adalah Program bagi pemilik sijil yang layak yang boleh memohon untuk menangguh bayaran caruman tetap sijil selama 3 bulan. Pemilik sijil boleh menangguh bayaran caruman selama 3 bulan berturut-turut jika permohonannya untuk Program ini diluluskan oleh Syarikat.
2	Apa akan terjadi kepada sijil jika ianya di bawah Program ini selama 3 bulan berturut-turut?	Syarikat akan terus menyediakan perlindungan di bawah sijil tersebut. Dalam kata lain, jika terdapat tuntutan sepanjang 3 bulan ini, tuntutan tersebut akan diproses mengikut perlindungan sedia ada sijil, tertakluk pada terma dan syarat. Jika tuntutan dibenarkan, Syarikat berhak untuk menolak caruman tertangguh sebelum bayaran tuntutan.
3	Bilakah tarikh kuat kuasa bagi Program ini?	Program Penangguhan Bayaran Caruman ini pada asalnya bermula dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020. Syarikat telah melanjutkan program ini sehingga 30 Jun 2021. Dalam usaha daripada pihak LIAM, PIAM dan MTA, syarikat sudah melanjutkan lagi program ini sehingga 31 Disember 2021. Permohonan untuk menangguh bayaran caruman hendaklah diterima dalam tempoh ini.
4	Siapakah yang layak untuk Program ini?	(i) Ini bukanlah Program kelayakan automatik. Pemilik sijil perlu memohon dan ianya tertakluk kepada kelulusan Syarikat. (ii) Kriteria kelayakan adalah seperti berikut: (a) Pemilik sijil yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19. (b) Ini adalah bagi semua sijil yang carumannya perlu dibayar pada 1 Julai 2021 sehingga 30 Disember 2021 (merangkumi kedua-dua tarikh) (c) Caruman mestilah dibayar sehingga tarikh perlu dibayar terkini pada 1 Julai 2021. (d) Bagi sijil caruman tetap.
5	Adakah pemilik sijil perlu membayar balik caruman 3 bulan selepas tamat Program?	Ya, pemilik sijil perlu membayar balik caruman penangguhan 3 bulan apabila tamat Program bagi mengelakkan sijil menjadi luput. Anda diingatkan bahawa ini bukanlah program penepian caruman. Dua ilustrasi dilampirkan untuk menunjukkan bagaimana penangguhan caruman terpakai kepada sijil dengan dua kekerapan pembayaran yang berlainan, termasuk bagaimana dan bila pemilik sijil harus mula membuat pembayaran caruman.

		Anda boleh menghubungi kami sekiranya anda masih menghadapi kesulitan kewangan selepas caruman penangguhan tamat. Sila hubungi kami pada 03-42598338 sambungan 7337 atau emel ke DefermentContribution@greastertakaful.com. Kelangsungan sijil adalah sangat penting terutamanya apabila penangguhan 3-bulan ini digunapakai. Pemilik sijil dinasihati supaya membuat pembayaran tertangguh untuk memastikan kelangsungan sijil dan perlindungan, terutama untuk Pelan-pelan Tradisional dan sijil yang baru berkuatkuasa. Ilustrasi (A) : <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3"> Kekerapan Pembayaran Caruman = Bulanan Amaun Caruman = RM100 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021 </th> </tr> <tr> <th>Tarikh Perlu Bayar</th><th>Amaun (RM)</th><th>Nota</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15/07/2021</td><td>100</td><td>Ditangguh – tiada bayaran diperlukan</td></tr> <tr> <td>15/08/2021</td><td>100</td><td>Ditangguh – tiada bayaran diperlukan</td></tr> <tr> <td>15/09/2021</td><td>100</td><td>Ditangguh – tiada bayaran diperlukan</td></tr> <tr> <td>15/10/2021</td><td>300</td><td>Bayar semula amaun caruman tertangguh</td></tr> </tbody> </table> Ilustrasi (B): <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="3"> Kekerapan Pembayaran Caruman = Suku Tahunan Amaun Caruman = RM300 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021 </th> </tr> <tr> <th>Tarikh Perlu Bayar</th><th>Amaun (RM)</th><th>Nota</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15/07/2021</td><td>300</td><td>Ditangguh – tiada bayaran diperlukan</td></tr> <tr> <td>15/10/2021</td><td>300</td><td>Bayar semula amaun caruman tertangguh</td></tr> </tbody> </table>	Kekerapan Pembayaran Caruman = Bulanan Amaun Caruman = RM100 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021			Tarikh Perlu Bayar	Amaun (RM)	Nota	15/07/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan	15/08/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan	15/09/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan	15/10/2021	300	Bayar semula amaun caruman tertangguh	Kekerapan Pembayaran Caruman = Suku Tahunan Amaun Caruman = RM300 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021			Tarikh Perlu Bayar	Amaun (RM)	Nota	15/07/2021	300	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan	15/10/2021	300	Bayar semula amaun caruman tertangguh
Kekerapan Pembayaran Caruman = Bulanan Amaun Caruman = RM100 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021																																
Tarikh Perlu Bayar	Amaun (RM)	Nota																														
15/07/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan																														
15/08/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan																														
15/09/2021	100	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan																														
15/10/2021	300	Bayar semula amaun caruman tertangguh																														
Kekerapan Pembayaran Caruman = Suku Tahunan Amaun Caruman = RM300 Tarikh Perlu Dibayar Seterusnya = 15 Julai 2021																																
Tarikh Perlu Bayar	Amaun (RM)	Nota																														
15/07/2021	300	Ditangguh – tiada bayaran diperlukan																														
15/10/2021	300	Bayar semula amaun caruman tertangguh																														
6	Bagaimanakah pemegang sijil boleh	Mereka boleh memilih kaedah pembayaran berikut:																														

	membayar caruman tertangguh?	(i) JomPAY atau perbankan internet (ii) Kard kredit (iii) Cek atau tunai (tidak digalakkan) (iv) Perbankan Internet untuk CIMB, MBB, PBB
7	Jika sijil adalah bayaran caruman tetap melalui potongan kad kredit/debit/GIRO atau arahan bank, apa yang perlu dibuat oleh pemilik sijil?	(i) Bagi kaedah pembayaran semasa iaitu kad kredit/debit, GIRO/Kebenaran Debit Terus, Syarikat akan menghentikan potongan setelah permohonan diluluskan. (ii) Bagi kaedah pembayaran semasa iaitu melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Arahan Bank, JomPAY atau perbankan internet dengan mod bayaran set berulang, pemilik sijil hendaklah menukar pilihan berulang untuk menghentikan potongan automatik selama tempoh 3 bulan setelah permohonan diluluskan.
8	Merujuk kepada Soalan No. 7, apakah akan terjadi selepas Program tamat?	Merujuk kepada Jawapan No. 7: (i) Syarikat akan menyambung semula pemotongan caruman setelah tamat 3 bulan. (ii) Pemilik sijil perlu memaklumkan bank berkenaan dan set semula pilihan berulang untuk menyambung semula pemotongan dan terus menyambung perlindungan.
9	Berapa lamakah kelulusan permohonan mengambil masa?	Proses permohonan akan mengambil masa 10 hari bekerja daripada tarikh terima borang dan dokumen lengkap semasa tempoh PKP, dan 5 hari bekerja selepas tempoh PKP. Pemilik sijil akan menerima notifikasi mengenai status permohonan mereka melalui emel.
10	Jika diluluskan, bilakah Program bermula?	Program ini akan bermula dari tarikh caruman perlu dibayar seterusnya selama 3 bulan. Setelah permohonan diluluskan, pemegang sijil akan menerima Surat Penerimaan. Pemegang sijil dinasihat supaya membaca dan memahami tawaran, terma dan syarat-syarat yang tertera dalam Surat Penerimaan. Pemilik Sijil mesti menandatangani dan mengemel kembali Surat Penerimaan tersebut kepada GETB dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Penerimaan sebelum penangguhan bermula. Contoh: Tarikh caruman perlu dibayar seterusnya ialah 15 Mei 2021. Permohonan diluluskan pada 12 April 2021 Program ini akan bermula dari 15 Mei 2021 sehingga 15 Julai 2021
11	Bolehkah pemilik sijil memohon lebih	Tidak, Program ini hanya akan diluluskan sekali sahaja untuk setiap sijil. Walau bagaimanapun, pemilik sijil yang memohon program ini dan

	daripada sekali untuk Program ini?	diluluskan pada tahun 2020, boleh memohon semula untuk bantuan bagi tahun 2021 jika status kewangan mereka masih terkesan akibat pandemik.
12	Bolehkah faedah dikenakan oleh Syarikat atas sumbangan tertunda dalam tempoh 3 bulan penangguhan?	Tidak. Faedah tidak akan dikenakan ke atas sumbangan tertunda dalam tempoh 3 bulan penangguhan ini.
13	Bolehkan Syarikat mengenakan apa-apa caj untuk penangguhan sumbangan selama 3 bulan, atau untuk perubahan yang dibuat kepada sijil oleh pemilik sijil yang berkenaan?	Tidak, Syarikat tidak akan mengenakan pembayaran dan caj bagi opsyen penangguhan sumbangan dan perubahan yang dibuat oleh pemilik sijil yang berkenaan dalam tempoh dari 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2020. Syarikat juga tidak akan mengenakan apa-apa penalti akibat lewat pembayaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan.
14	Adakah caj-caj Tabarru, Wakalah dan sebarang caj sijil lain, jika berkenaan, akan ditolak semasa tempoh penangguhan sumbangan?	Tidak, tidak akan ada caj dan pembayaran yang dikenakan sewaktu tempoh penangguhan sumbangan. Semua pembayaran dan caj ini hanya akan ditolak apabila sumbangan tertunda 3 bulan dibayar balik oleh pemilik sijil.
15	Apakah proses permohonan yang perlu dilakukan?	(i) Muat turun Borang Permohonan Penangguhan Caruman (selepas ini dirujuk sebagai 'Borang') daripada laman Web Korporat atau IGP (bagi Ejen) (ii) Lengkapkan dan hantar borang bersama dokumen sokongan melalui emel ke DefermentContribution@greastertakaful.com Nota Penting: (i) Semua komunikasi adalah melalui emel ke DefermentContribution@greastertakaful.com (ii) Ejen berkhidmat boleh membantu pelanggan untuk menghantar borang berserta dokumen sokongan melalui ICM di i-Great Partner. Sila nyatakan "PPBC" dengan jelas di kolum "No. Rujukan" dan "Program Penangguhan Bayaran Caruman" sebagai tajuk emel

		(iii) Nombor telefon bimbit dan alamat emel pemilik sijil adalah wajib diisi apabila melengkapkan borang. (iv) Adalah tidak dinasihatkan bahawa pemilik sijil pergi ke kaunter cawangan atau Ibu Pejabat bagi tujuan menghantar atau mengambil borang. (v) Sila rujuk kepada Soalan 14 untuk cara mendaftar akaun i-Get in Touch jika diperlukan.
16	Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan?	(i) Borang Permohonan Penangguhan Caruman (ii) Laporan atau surat yang disahkan oleh Doktor di mana-mana hospital yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengesahkan pemilik sijil dijangkiti Covid-19; atau, (iii) Laporan atau surat yang disahkan oleh Doktor yang menyahihkan pemilik sijil dikuarantin di rumah kediaman diwajibkan akibat potensi jangkitan Covid-19; atau (iv) Surat majikan mengenai potongan gaji, penamatan/ pemberhentian kerja; atau (v) Surat atau bukti pengurangan komisen; atau (vi) Bukti hilang pendapatan perniagaan, seperti penutupan medan selera atau kedai, kejatuhan hasil perniagaan, dsb; atau (vii) Sebarang dokumen atau bukti yang boleh menyokong permohonan.
17	Bolehkah pemilik sijil menghantar Borang Permohonan pada April 2021 (contoh) untuk penangguhan sumbangan jika tarikh tamat tempoh jatuh pada Februari 2021 atau 30 Jun 2021?	Seperti yang disebutkan di atas, tangguhan sumbangan akan berkuatkuasa pada tarikh akhir sumbangan yang akan datang setelah mendapat kelulusan permohonan dan penerimaan oleh pemilik sijil. Oleh itu, permohonan itu perlu dihantar 30 hari sebelum atau paling lambat 30 hari selepas tarikh bayar sumbangan untuk mengelakkan kesan yang tidak diingini ke atas liputan sijil.
18	Adakah terdapat sebarang nota peringatan yang dihantar kepada pemilik sijil sebelum berakhirnya tempoh penangguhan untuk membayar sumbangan tertunda?	Ya, pemilik sijil akan menerima tiga (3) peringatan melalui emel mereka - 30 hari dan 14 hari sebelum tempoh penangguhan berakhir, dan satu peringatan terakhir pada hari terakhir tempoh penangguhan.
19	Bolehkah pemilik sijil memilih pilihan lain	Ya, pemilik sijil boleh mengambil kira pilihan lain seperti mengurangkan jumlah perlindungan atau mengeluarkan manfaat atau rider tertentu

	seperti mengurangkan jumlah perlindungan atau menukar struktur manfaat selain Program ini?	untuk mengurangkan amaun caruman. Pemilik sijil boleh berunding dengan ejen yang berkhidmat untuk nasihat yang sewajarnya.
20	Jika sijil luput selepas tempoh penangguhan 3 bulan, bolehkah sijil dikuat kuasakan semula?	Ya, pemilik sijil boleh memohon untuk penguatkuasaan semula dengan menghantar Borang Waranti Kesihatan mengikut proses sedia ada dan keperluan lain. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen yang berkhidmat atau khidmat pelanggan.
21	Untuk melihat dan menyemak butiran sijil, sila log masuk ke i-Get in Touch. Bagaimana saya mendaftar untuk akaun i-Get in Touch?	(i) Layari https://bit.ly/iGetInTouch (ii) Klik 'Daftar Sekarang' (iii) Baca dan terima 'Terma dan Syarat' (iv) Isikan Nombor Pengenalan (v) Isikan mana-mana nombor sijil anda yang sah (vi) Klik 'Hantar' (vii) Kata laluan sementara akan dihantar melalui SMS (viii) Jika gagal terima SMS, sila emel ke i-greatcare@greateastertakaful.com Sila rujuk di https://bit.ly/iGetInTouchGuide untuk panduan lengkap.

1 Pemilik Sijil yang terkesan adalah individu-individu yang telah dijangkiti, di bawah kuarantin rumah atau hilang pendapatan; dan perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang hilang pendapatan akibat impak ekonomi yang disebabkan situasi COVID-19. Contoh kejadian yang menyebabkan hilang pendapatan termasuk diberhentikan kerja, waktu bekerja yang lebih pendek dan pengurangan gaji atau komisen bagi individu-individu; dan hilang pendapatan perniagaan bagi bekerja sendiri dan SME.